



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA  
JABATAN KEBUDAYAAN  
DAN KESENIAN NEGARA

# KENYATAAN MEDIA

[www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my)

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 12 /2022

**“ALERT”**: Seramai 333 graduan melibatkan 142 orang dalam bidang Tarian Tradisional, 41 orang bidang Seni Lakon Teater, 54 orang bidang Muzik, 40 orang Pengurusan Pentas, 56 orang melalui Pusat Bertauliah Sistem Latihan Dual Nasional diraikan dalam Majlis Konvokesyen Badan Peneraju Industri Seni Budaya oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

## **DATUK SYAFINAZ SELAMAT, MISHA OMAR, JACLYN VICTOR & MUBARAK MAJID ANTARA PENERIMA SIJIL SKM, JKKN**

**PUTRAJAYA, 23 Jun 2022** – Seramai 333 orang graduan diraikan dalam Majlis Konvokesyen Badan Peneraju Seni Budaya yang diadakan di Dewan Sanggar, MOTAC Putrajaya, hari ini. Majlis Konvokesyen yang dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) ini, merupakan kali pertama mengiktiraf graduan dalam bidang seni budaya. JKKN merupakan Badan Peneraju Industri (*Industry Lead Body* - ILB) Seni Budaya yang telah dilantik oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Kementerian Sumber Manusia pada tahun 2018 dan bertanggungjawab dalam memperkasakan bidang kemahiran seni budaya.

Majlis Konvokesyen ini bertujuan bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada Penggiat Seni Budaya yang berkemahiran, berpengetahuan dan berkualiti melalui program Persijilan Kemahiran Malaysia Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (SKM-PPT) dan Sistem Latihan Dual

Nasional (SLDN) bidang seni budaya (tari, teater, muzik dan pengurusan pentas).

Konvokesyen kali pertama ini meraikan seramai 333 orang graduan Seni Budaya bagi tahun 2018 hingga 2022. Pencapaian mereka melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT), Pengiktirafan Khas Panel Pembangunan Standard, dan, Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN). 47 orang graduan mempunyai dua (2) rekod persijilan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan 380 Persijilan Kemahiran Malaysia.

Seramai 142 Graduan bidang Tarian Tradisional, 41 orang bidang Seni Lakon Teater, 54 orang bidang Muzik, 40 orang bidang Pengurusan Pentas, dan, 56 orang Perantis GENIUS Seni Tari dan Koir telah menerima Sijil Kemahiran Malaysia masing-masing. Majlis disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan Seni dan Budaya. Turut hadir dalam majlis tersebut adalah; YB Datuk Seri Dr. Santhara J.P, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, YBrs. Tuan Haji Mesran bin Mohd Yusop, Ketua Pengarah JKKN serta barisan Pengurusan Tertinggi MOTAC dan JKKN.

Menariknya Majlis Konvokesyen pada hari ini turut menampilkan penerima dalam kalangan artis ternama dan juga selebriti tempatan seperti Datuk Syafinaz Selamat, Misha Omar, Jaclyn Victor, Mubarak Majid, Amran Nasruddin, Zuhairi Ibrahim dan ramai lagi.

Antara penerima dalam kalangan Penggiat Seni Budaya adalah seperti Mohd Sulhie bin Yusuf (Pengarah Urusan Akademi Arjunasukma), Che Mohd Nasir bin Yusoff @ Pak Nasir (Adiguru Wayang Kulit), Abd Wahab bin Othman @Pak Wahab (Adiguru Makyung) dan juga Abdul Khalil bin Hassan @ Pak Bob Khalil (Adiguru Muzik Gamelan Melayu).

“Tahniah kepada semua graduan Penggiat Seni Budaya. MOTAC melalui JKKN amat menghargai bakat, kemahiran dan kualiti para Penggiat Seni Budaya Malaysia. Melalui program sebegini diharap ia akan mendorong lebih ramai lagi penggiat seni untuk berkarya dan berkongsi ilmu pengetahuan serta kemahiran yang mereka ada kepada masyarakat”, jelas YB Dato’ Seri Hajah Nancy.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari laman sesawang JKKN iaitu [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my) ataupun boleh layari *facebook* JKKN melalui pautan [www.facebook.com/mysenibudaya](http://www.facebook.com/mysenibudaya).

**-TAMAT-**

**Dikeluarkan Oleh:**

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

**Laman Sesawang:** [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my) **E-mel:** [ukk@jkkn.gov.my](mailto:ukk@jkkn.gov.my)

**Platform Media Sosial Rasmi JKKN:**

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya

Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya

**Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi**

|  |   |
|--|---|
| Mazidah binti Mustapha<br>Pengarah<br>Unit Komunikasi Korporat, JKKN<br><a href="mailto:mazidah@jkkn.gov.my">mazidah@jkkn.gov.my</a><br>Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095 | Eldawati binti Laung<br>Penolong Pengarah<br>Unit Komunikasi Korporat, JKKN<br><a href="mailto:eldawati@jkkn.gov.my">eldawati@jkkn.gov.my</a><br>Tel: 03-2614 8200 / 019-809 1805 |
|--|---|